

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

**DARIPADA : Y.B. DATUK WILLIAM @ NYALLAU ANAK
BADAK
(LUBOK ANTU)**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 02.04.2015

Y.B. DATUK WILLIAM @ NYALLAU ANAK BADAK [LUBOK ANTU]

minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan berapa buah mini *Urban Transformation Centre (UTC)* akan dibuat di seluruh Sarawak memandangkan ianya begitu baik dan berfaedah untuk rakyat bagi mendapatkan khidmat dan maklumat daripada Kerajaan dan swasta yang terlibat di satu tempat sahaja (*one stop centre*).

JAWAPAN

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, *Urban Transformation Centre (UTC)* dan Mini UTC adalah salah satu daripada inisiatif-inisiatif Strategi

Lautan Biru Kebangsaan (NBOS) yang sedang giat dilaksanakan oleh Kerajaan kerana mempunyai impak tinggi, berkos rendah dan dapat dilaksanakan dengan cepat dan mampan. Setakat ini, 8 buah UTC telah diwujudkan termasuk di Kuching dan 2 buah Mini UTC iaitu di Sentul dan Keramat di W.P. Kuala Lumpur.

2. YAB Perdana Menteri semasa pembentangan bajet 2015 telah mengumumkan satu Mini UTC akan dibina di Sarawak pada tahun ini. Lokasi Mini UTC tersebut akan dimuktamadkan oleh pihak Kerajaan Negeri Sarawak melalui Unit Pelaksanaan dan Pemantauan Sarawak (SIMU). SIMU kini sedang meneliti lokasi yang sesuai untuk dicadangkan kepada Kementerian Kewangan.